

# Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka subur kesedaran hidup beragama

- Dalam konteks pemimpin, jiwa merdeka menghendaki mereka sentiasa bertanggungjawab dan berpusatkan rakyat dengan menggalas amanah dengan adil dan telus

- Rakyat pula mencerminkan kebebasan menjadi diri sendiri serta warganegara baik dengan cita-cita peribadi selari dengan matlamat pembangunan negara



Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid  
bhrencana@bh.com.my

Pensyarah Sekolah Pembangunan Sumber Manusia dan Psikologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia

'Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka' adalah tema diangkat untuk sambutan Hari Kemerdekaan dan Hari Malaysia pada tahun ini. Tema ini bertujuan menyuburkan nilai MADANI dalam jiwa rakyat sebagai benteng menghadapi asakan masa hadapan sangat mencabar dan berisiko khususnya pada era digital ini.

Justeru, pemimpin dan rakyat perlu seiring dan sejalan untuk membina negara dan peradaban memiliki ciri '*balad-tun thayyibatun wa rabbun ghofur*' iaitu negara yang baik serta makmur dengan keampunan Tuhan.

Tema terungkap ini mencerminkan tekad kerajaan untuk memastikan Rukun MADANI dihayati seluruh masyarakat, menyuntik kesepaduan, perpaduan rakyat dan membina masyarakat berpaksi nilai. Pada masa sama memperkuat semangat patriotisme dan cinta akan negara.

'Jiwa Merdeka' perlu sentiasa disuburkan dalam kalangan pemimpin, rakyat khususnya generasi muda untuk menghargai dan memanfaatkan kebebasan berteraskan nilai negara.

Pada hari ini, hampir semua sektor kehidupan, ekonomi, politik dan sosial dipengaruhi ketidakpastian, kerancuan dan kerencaman pada peringkat domestik dan global.

Gejala besar seperti peperangan, pemanasan dan pencemaran global, pemerdagangan manusia, kelaparan, kemiskinan, diskriminasi ekonomi dan sosial, pengangguran, konflik kaum dan perkauman, ekstremisme dan Islamofobia serta seribu satu macam gejala lain berakar sehingga melemahkan 'nilai manusiawi' dan 'jiwa merdeka'.

Semua gejala muncul ini susulan sikap manusia tamak, tidak amanah, mengambil kesempatan, penting diri dan hilangnya 'kesedaran hidup bertuhan'. Apatah lagi ditambah dengan teknologi digital dan kepintaran buatan (AI) jika tidak diawasi akan berisiko kepada manusia serta nilai kemanusiaan.

## Kembalikan patriotisme, nilai adab

Justeru, menyedari cabaran getir dan kritikal dihadapi, maka slogan 'Jiwa Merdeka' diangkat bagi menyuntik dan mengembalikan defisit patriotisme, perpaduan, adab dan kemanusiaan semakin menipis.

'Jiwa Merdeka' merujuk kepada situasi setiap individu, sama ada pemimpin mahupun rakyat, bebas dalam semua ranah kehidupan untuk berfikir, belajar, bersuara dan bertindak.

Ini termasuk kebebasan dalam konteks beragama dan berideologi, selaras dengan lunas undang-undang seperti tercatat dalam Perlembagaan dan Rukun Negara.

Dalam konteks pemimpin, jiwa merdeka menghendaki mereka sentiasa bertanggungjawab dan berpusatkan rakyat dengan menggalas amanah dengan adil dan telus.

Rakyat pula mencerminkan kebebasan men-

jadi diri sendiri serta warganegara baik dengan cita-cita peribadi selari dengan matlamat pembangunan negara.

Masyarakat memiliki "Jiwa Merdeka" akan mempamerkan kebebasan dalam berfikir dan bersuara, termasuk keberanian untuk mengemukakan idea, pendapat dan kritikan bebas daripada tekanan dan ancaman.

Kebebasan ini penting untuk membentuk masyarakat berfikiran terbuka, kritis, inovatif serta saling menghormati perbezaan pendapat. Had dan sempadan berbalas hujah serta pandangan di mana sekali pun, usah sampai ke tahap menghasut, membenci, memfitnah dan mengadu domba.

Masyarakat demokratik berjiwa merdeka dipimpin pemikiran rasional, nilai, budaya dan praktis agama tinggi. Maka, kebebasan bersuara dan berpendapat mestilah tidak mengingkari lunas undang-undang, tatasusila dan adab.

Jika kebebasan total dibenarkan, ini akan menyebabkan berlaku kekacauan dan kerosakan membelah kerukunan serta kesepaduan masyarakat pelbagai kaum, agama dan ideologi.

Media sosial sebagai ruang awam sangat terbuka jika tidak dipantau akan memberi kesan buruk kepada keamanan negara dan kehidupan rakyat.

Justeru, apa yang berlaku di United Kingdom (UK) baru-baru ini wajar dijadikan pengajaran dan sempadan. Penyebaran maklumat tidak tepat dan palsu mencetuskan ketegangan serta rusuhan rakyat sekali gus menghuru-harakan negara.

"Masyarakat berjiwa merdeka seharusnya dapat menikmati keadilan ekonomi, politik dan sosial mampan, iaitu semua lapisan masyarakat mendapat manfaat"

Jelas, 'kebebasan total' seperti dilaungkan Barat hanyalah suatu utopia walaupun di negara mengamalkan 'demokrasi penuh' seperti Sweden, Norway, Finland dan Denmark.

Parameter 'Jiwa Merdeka' juga boleh dijelmakan kepada rakyat menerusi pengalihan sumber dan akses terhadap peluang saksama dalam pendidikan, kesihatan serta pekerjaan.

## Tiada rakyat tersisih nikmat kemerdekaan

'Jiwa Merdeka' amat rapat dengan falsafah dan nilai 'demokrasi' iaitu menekankan kepada hak, kesaksamaan dan peluang kehidupan untuk dinikmati semua dengan bebas dan aman.

Masyarakat berjiwa merdeka seharusnya dapat menikmati keadilan ekonomi, politik dan sosial mampan, iaitu semua lapisan masyarakat mendapat manfaat daripada kemakmuran negara. Semua golongan terbelah, tidak tersisih dan sentiasa dalam radar keprihatinan kepimpinan negara.

Dalam usaha mempertahankan kemerdekaan ini, pendidikan berkualiti dan sepanjang hayat penting dalam membentuk 'Jiwa Merdeka'. Fungsi utama pendidikan adalah membentuk manusia menjadi 'insan kami' dan beradab.

Masyarakat berjiwa merdeka akan membabitkan diri dalam proses pembelajaran dan pembangunan serta menghayati nilai murni dan agama yang dapat membentuk akhlak serta sahsiah diri.

Justeru, sistem pendidikan negara mengutamakan nilai dan pembangunan karakter akan melahirkan warganegara berjiwa merdeka, berdisiplin, tatasusila dan adab kesopanan tinggi.

Slogan 'Malaysia MADANI, Jiwa Merdeka' adalah ungkapan prihatin terhadap nilai budaya, tradisi, warisan dan kearifan tempatan. Masyarakat dan negara menjunjung nilai, budaya dan warisan sejarah akan lebih cenderung mengharmonikan nilai mulia serta membina perpaduan dalam kepelbagaian.

Inilah 'Jiwa Merdeka' diidam-idamkan iaitu sikap tolak-ansur dan saling menghormati perbezaan dalam masyarakat. Masyarakat merdeka akan mampu hidup dalam keadaan harmoni, bersatu-padu dan saling membantu dalam mencapai matlamat dan memajukan negara.

